

06 FEB 1999

Kemboja-pulang

HUN SEN AKHIRI LAWATAN KE M'SIA

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Kemboja Hun Sen berlepas pulang hari ini setelah melawat Malaysia selama tiga hari untuk mengukuhkan hubungan dua hala.

Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berada di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang untuk mengucapkan selamat pulang kepadanya.

Hun Sen telah mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menghasilkan persetujuan Malaysia untuk memenuhi permohonan Kemboja bagi membantu dalam proses pembangunan negara itu.

Sempena lawatannya itu, Malaysia dan Kemboja menandatangani perjanjian untuk meluaskan kerjasama perdagangan, ekonomi dan perindustrian.

Pada satu jamuan anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia, Hun Sen menjemput ahli-ahli perniagaan Malaysia supaya merebut pelbagai peluang pelaburan yang kini wujud di Kemboja.

Hun Sen menjadi perdana menteri ekoran pembentukan kerajaan campuran di Phnom Penh pada November lepas, sekaligus menamatkan sengketa politik antara beliau dan bekas perdana menteri bersama Putera Norodom Ranariddh, yang disingkirkannya pada Julai 1997.

Mengikut perjanjian kerjasama baru itu, Ranariddh kini mengetuai Dewan Kebangsaan Kemboja.

-- BERNAMA

MAM MAI